

Paradigma Sosialisme dan Demokrasi Sosial: Tony Benn, Tokoh Parti Buruh UK

SHUKRI BIN MOKHTAR

Perbezaan konsep ideologi muncul dalam perdebatan berpandukan beberapa faktor seperti kesesuaian dasar politik, ekonomi, dan sosial. Perbezaan ini muncul kerana terdapat pelbagai reaksi dan interpretasi terhadap keadaan tertentu dalam mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan masyarakat. Ideologi-ideologi politik bukanlah sesuatu yang mudah difahami hanya dengan membaca definisi secara sepintas lalu, memandangkan terlalu banyak definisi, interpretasi, dan huraian yang dikandung oleh sesebuah ideologi. Malah, pendapat yang menyatakan hanya satu jalur ideologi yang benar adalah pendapat yang tidak cermat. Hatta, sejarah membuktikan bahawa pemikiran-pemikiran manusia sentiasa berkembang dan berbeza-beza daripada sudut pandangan yang berlainan.

1 Sosialisme

Kritikan terhadap kapitalisme memang tidak dapat dipisahkan daripada idea sosialisme. Terma sosialisme itu sendiri tidak mempunyai definisi yang mutlak. Setiap ideologi parti politik mempunyai interpretasi tersendiri dengan apa yang didefinisikan sebagai sosialisme. Sosialisme tercetus pada tahun yang sama di mana keadaan sosio-ekonomi seperti Gerakan Buruh pada abad 19 yang juga merupakan sebab munculnya pemikir-pemikir seperti Karl Marx (1818-1883) dan Friedrich Engel (1820-1895). Golongan pemikir yang disebutkan

ini telah menghasilkan sebuah gagasan model masyarakat dan kemudiannya tulisan-tulisan pemikir ini telah menjadi batu asas kepada pelbagai ideologi politik yang mendatang. Harapan mereka ialah akan wujudnya kesamarataan dalam kalangan kelas sosial masyarakat yang berbeza dan perpaduan di antara gerakan buruh dan filsuf-filsuf. Walau bagaimanapun, gerakan memperjuangkan hak kesamarataan dalam masyarakat kemudiannya berpecah kepada beberapa gerakan yang berbeza disebabkan perbezaan interpretasi terhadap definisi kesamarataan yang masing-masing anuti.

Bagi komunis, sosialisme merupakan jalan tengah yang ideal antara masyarakat yang kapitalistik dan masyarakat yang mengamalkan komunisme sebenar. Pada abad ke-20, zaman kegemilangan komunisme di negara-negara Eropah Timur, perkataan sosialisme, negara sosialisme, dan juga komunisme ialah istilah yang tidak asing lagi digunakan bagi merujuk perkara tersebut. Oleh sebab itu, sosialisme lebih disinonimkan dengan bekas negara-negara Eropah Timur. Bagi Michael A. Lebowitz, masyarakat sosialis yang digagaskan oleh Marx ialah masyarakat yang percaya perkembangan segenap kekuatan dan potensi manusia sebagai tujuan diri. Maka, setiap individu akan melakukan aktiviti pengeluaran atas dasar kesedaran bahawa setiap individu dalam sesebuah masyarakat adalah saling memerlukan. Keadaan ini akan direalisasikan apabila kesedaran ialah tunjang kepada tindakan individu tersebut.

2 Sejarah Sosialisme di Britain

Sejarah telah membuktikan bahawa sosialisme lahir daripada Revolusi Perancis 1789 (yang kemudiannya turut mencetuskan Revolusi Industri). Hal ini menyebabkan wujud sokongan padu daripada kaum pekerja yang datang dari kelas rendah: reaksi terhadap penindasan yang pihak majikan kenakan ke atas mereka ketika Revolusi Perindustrian Britain, Britain terpaksa berdepan dengan kilang-kilang yang satanik.

Maka, muncullah reformis-reformis seperti Robert Owen, Karl Marx, Friedrich Engels, Frederick Denison Maurice yang telah melahirkan dan menguatkan gerakan-gerakan sosialisme di UK. Terinspirasi dengan karya agung Marx *Das Kapital*, Henry Hyndman bertindak menubuhkan parti sosialis pertama (*Social Democratic Federation*) di Britain pada tahun 1881. Malangnya pada tahun 1884, satu mesyuarat Majlis Eksekutif SDF telah diadakan di mana

Hyndman telah diserang untuk beberapa kesalahan iaitu memfitnah seorang rakan di Edinburgh dengan memanggilnya “anarkis” tanpa sebab. Maka, berlakulah pertelingkahan di antara Hyndman dan lawannya William Morris, Belfort Bax, Eleanor Marx, dan Edward Aveling. William Morris dan rakan-rakannya mengambil keputusan berundur dari pertelingkahan ini dan memilih untuk menubuhkan organisasi baru yang dinamakan *Socialists League*.

3 Demokrasi Sosial

Apa yang menjadi tunggak perjuangan demokrat-demokrat sosial pada hari ini adalah memperjuangkan sebuah masyarakat yang wujud berasaskan kebebasan dan keadilan. Justeru, hak-hak fundamental seperti hak kemanusiaan, kebebasan bersuara, dan hak pekerjaan hendaklah dilaksanakan dasar-dasarnya secara komited. Namun, keadaan hak-hak fundamental itu bergantung kepada faktor sosial dan ekonomi seseorang itu.

Selain itu, apa yang tak kalah penting bagi pejuang demokrat sosial ialah kepercayaan bahawa kemiskinan itu dalam bentuk kekurangan fizikal atau sosial tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat perindustrian. Di sini, liberalisme mentermakan ia sebagai *equal opportunity* bererti peluang sama rata, manakala ia berbeza dengan demokrasi sosial yang memanggilnya sebagai *equitable opportunity*.

Di sini, demokrasi sosial dan liberalisme pada awalnya berkongsi terma yang sama iaitu “*equal opportunity*”, namun, terma tersebut mengalami perubahan apabila berlakunya pakatan yang dipanggil “sosial-liberal gabungan” di antara Parti SDP Jerman dengan Parti FDP Jerman di era Brandt. Sehingga ke hari ini (dan hal ini tidak terhad cuma dalam kalangan Demokrat Sosial) dan ciri-ciri progresif politik, terutamanya dalam era Brandt itu.

Equal opportunity dari sudut pandang liberal ialah persamaan peluang yang harus diwujudkan oleh pasaran. Ini berbeza dengan demokrasi sosial yang percaya bahawa *equitable opportunity* kesaksamaan harus diperoleh daripada kerajaan (*state*).

4 Sejarah Demokrasi Sosial di Britain

Seruan tiga nilai teras iaitu kebebasan, keadilan (kesaksamaan), dan solidariti berasal daripada pemikiran humanistik arkaik manusia. Nilai ini telah menjadi teras banyak agama-agama seperti Islam,

Kristian, Buddha dan juga Hindu. Oleh itu, dakwaan bahawa ideologi demokrasi sosial menyalahi kepercayaan agama merupakan satu tuduhan yang tidak berasas kerana buktinya ideologi ini berasaskan sifat-sifat universal yang dikongsi oleh kesemua agama-agama dan sifat kemanusiaan itu sendiri.

Britain berjaya bertahan selepas Perang Dunia II (1939-1945) meski kesannya negara itu tenat dari sudut ekonomi. Walaupun Britain merupakan kuasa besar di antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet, faktor kejayaan Britain dalam perang adalah kerana sistem politik dan kerajaannya. Walhasil daripada ini, tempoh beberapa tahun selepasnya Britain muncul sebagai negara model demokrasi sosial, yang menggabungkan perancangan dan kolektivisme dengan kebebasan awam. Kerajaan Buruh UK 1945 bertanggungjawab ke atas tercetusnya *post-war consensus*. Walau bagaimanapun, setelah diselidik apa yang didapati bahawa wujudnya pengaruh ahli-ahli ekonomi seperti William Beveridge dan John Maynard Keynes terhadap struktur ekonomi Britain ketika itu.

5 Tony Benn Tokoh Parti Buruh UK

We are paying a heavy political price for 20 years in which, as a party, we have played down our criticism of capitalism and soft-peddled our advocacy of socialism.

SPEECH TO LABOUR PARTY CONFERENCE, 1976

Beliau dilahirkan di London pada 3 April 1925, anak kedua William Wedgwood Benn dan Margaret Benn. Membesar di dalam keluarga yang terlibat dalam politik telah memberi impak yang besar ke atas Benn. Maka, Benn, seperti ayahnya dan kedua-dua datuknya pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen di *House of Commons*. Selepas berkhidmat dalam RAF semasa Perang Dunia II, Benn menamatkan pengajian di Oxford. Beliau menghabiskan musim cuti sebagai pengeluar BBC Radio dan kemudian menyertai politik sebagai Ahli Parlimen Buruh Bristol Tenggara pada tahun 1950. Pada usia 25, beliau merupakan ahli Parlimen termuda ketika itu.

6 Pengaruh Moral dalam Isu Dasar

My mother once said to me that all decisions, including political decisions, are basically moral. Is it right or wrong? And when a new issue comes up,

you have to ask yourself, "If we do this, is it going to be right or wrong"?

WILL AND TESTAMENT, TONY BENN

Tony Benn merupakan orang kuat dalam gerakan keamanan dan anti-nuklear. Pada Februari 1958, Tony meletakkan jawatan kedudukannya sebagai *Labour's front bench spokesmen*. Menurut beliau bahawa beliau tidak boleh, 'dalam apa jua keadaan, menyokong dasar yang dimaksudkan penggunaan senjata atom dalam perang'. Dalam setiap kesempatan beliau akan hadir beri sokongan terhadap *Campaign for Nuclear Disarmament (CND)*, apatah lagi semasa beliau berkhidmat sebagai Naib Presiden organisasi tersebut.

Apa yang menarik adalah beliau tegar berpihak untuk memboikot barangan Israel dan menggalakkan Britain melakukan hal yang sama pada tahun 2002. Tambahan pula, menyokong strategi dengan menghentikan semua jualan senjata kepada Israel, dan memperkenalkan sekatan perdagangan dan mengharamkan semua pelaburan terhadap negara itu.

Kesimpulannya, pertembungan idealisme dan realisme yang dikatakan tidak boleh wujud di antara dua merupakan pendapat yang rapuh. Tony Benn telah membuktikan bahawasanya dengan segala ujian dan rintangan, beliau telah berjaya mengubah persepsi bahawa prinsip dan moral bagaikan obor yang mampu dipegang di saat kegelapan.